



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 7 OKTOBER 2020

#### **STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **74 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **10,501** kes (75.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

#### **STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA**

Sehingga 7 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, KKM ingin memaklumkan bahawa **139 kes** telah dikesan daripada **Kluster Tembok iaitu di Penjara di Kedah** (iaitu meliputi 28.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes) hari ini, 34 kes daripada lain-lain kluster, 314 kes-kes lain di dalam komuniti dan dua (2) kes import. **Secara keseluruhannya, 489 kes baharu** telah dilaporkan hari ini, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **13,993 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 3,351 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 489 kes baharu yang dilaporkan, **dua (2) kes** adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan dari luar negara** yang melibatkan satu (1) warganegara dan satu (1) bukan warganegara mengembara dari negara:

- **India**: **Satu (1) kes** dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merupakan warganegara; dan
- **Kepulauan Maldives**: **Satu (1) kes** dilaporkan di Selangor yang merupakan bukan warganegara.

Daripada 487 kes **penularan di dalam negara**, 467 kes adalah warganegara Malaysia dan 20 kes adalah bukan warganegara. Daripada 487 kes tersebut juga, dimaklumkan sekali lagi bahawa sebanyak **139 kes** adalah merupakan kes yang dikesan daripada **Kluster Tembok iaitu di Penjara Alor Setar dan Pokok Sena, Kedah** (iaitu meliputi 28.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes) hari ini. Kesemua kes positif dalam Kluster Tembok merupakan kluster terasing di dalam Kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran dan di dalam penjara. Ini bermakna mereka terasing daripada masyarakat.

Daripada 487 **kes penularan di dalam negara**, 15 kes pula merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, sekaligus menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 sebanyak 283 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah**: **282 kes**
  - 182 kes saringan komuniti;
  - 71 kes saringan bergejala;
  - 22 kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;

- Dua (2) kes daripada Kluster Laut;
  - Dua (2) kes saringan kemasukan ke hospital; dan
  - Satu (1) kes saringan rujukan ke hospital;
  - Satu (1) kes saringan pra pembedahan; dan
  - Satu (1) kes saringan tahanan.
- **Kedah: 153 kes**
    - 139 kes daripada Kluster Tembok; dan
    - 14 kes daripada Kluster Bah Sintok.
- **Selangor: 19 kes**
    - Tujuh (7) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah). Ini termasuk satu (1) kes daripada Kluster Selasih;
    - Empat (4) kes daripada Kluster Jalan Meru;
    - Tiga (3) kes saringan bergejala;
    - Dua (2) kes daripada Kluster Benteng PK;
    - Satu (1) kes daripada Kluster Embun;
    - Satu (1) kes saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19; dan
    - Satu (1) kes saringan sendiri.
- **Pulau Pinang: Tujuh (7) kes**
    - Enam (6) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Penjara Reman**; dan
    - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Johor: Enam (6) kes**
    - Lima (5) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan

- Satu (1) kes daripada Kluster Selasih.
- **Perak: Empat (4) kes**
  - Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Puchong**;
  - Satu (1) saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
  - Satu (1) saringan kontak rapat kepada kes positif COVID-19.
- **Terengganu: Empat (4) kes**
  - Dua (2) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes saringan bergejala;
  - Satu (1) kes daripada Kluster Bah Tanjung.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: Tiga (3) kes**
  - Satu (1) kes saringan masuk Sarawak;
  - Satu (1) kes saringan pra pembedahan; dan
  - Satu (1) kes saringan pra perkahwinan.
- **Sarawak: Tiga (3) kes**
  - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
  - Satu (1) kes saringan Pintu Masuk Domestik.
- **Pahang: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes saringan sebelum ke luar negara; dan
  - Satu (1) kes saringan pra pembedahan.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes**
  - Satu (1) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - Satu (1) kes saringan kemasukan ke hospital (pengiring).
- **Negeri Sembilan: Satu (1) kes** saringan pra-pembedahan.
- **Kelantan: Satu (1) kes** saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **40 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **13 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Adalah dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 141 kes (1.01 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

## **DUA (2) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI**

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **dua (2) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

### **1) KLUSTER BAH PUCHONG**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di Selangor iaitu di daerah Petaling dan di Perak iaitu di daerah Larut, Matang dan Selama serta daerah Kinta. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13061, kes ke-13065 dan kes ke-13069) dikenal pasti positif COVID-19 pada 5 Oktober 2020 hasil

saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah). Ketiga-tiga mereka telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Susulan itu, saringan kontak rapat telah dijalankan dan dua (2) lagi kes positif COVID-19 di Perak iaitu di daerah Larut, Matang dan Selama serta daerah Kinta dikenal pasti. Mereka telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak.

Sehingga 7 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 39 individu telah disaring. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Selangor (12 individu disaring):
  - Tiga (3) kes dikesan positif COVID-19; dan
  - Sembilan (9) individu masih menunggu keputusan.
  
- Perak (27 individu disaring):
  - Dua (2) kes dikesan positif COVID-19; dan
  - 25 individu masih menunggu keputusan.

Punca jangkitan masih dalam siasatan.

## **2) KLUSTER PENJARA REMAN**

Kluster baharu ini telah dikenal pasti di daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Kes indeks kluster ini (iaitu kes ke-13499) adalah merupakan kes kematian ke-141. Beliau merupakan seorang lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun yang telah dijumpai tidak sedarkan diri pada awal pagi 5 Oktober 2020 di dalam penjara dan disahkan meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang. Saringan COVID-19 yang dijalankan pada hari yang sama dikesan positif. Susulan itu, saringan kontak rapat

telah dijalankan dan enam (6) lagi kes positif COVID-19 dikenal pasti pada 6 Oktober 2020. Semua kes positif ini melibatkan warganegara Malaysia. Mereka telah dimasukkan ke Hospital Pulau Pinang untuk rawatan.

Sehingga 7 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 286 individu telah disaring. Keputusan saringan adalah seperti berikut:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 78 individu negatif; dan
- 201 individu masih menunggu keputusan.

Punca jangkitan masih dalam siasatan.

### **STATUS TERKINI KLUSTER-KLUSTER AKTIF YANG LAIN DENGAN KES POSITIF COVID-19 PADA HARI INI**

Selain daripada dua (2) kluster di atas, terdapat lapan (8) kluster aktif lain yang mempunyai kes positif COVID-19 pada hari ini iaitu:

1. Kluster Tembok – 139 kes baharu;
2. Kluster Bah Sintok - 14 kes baharu;
3. Kluster Jalan Meru - 4 kes baharu
4. Kluster Laut - 2 kes baharu;
5. Kluster Benteng PK - 2 kes baharu;
6. Kluster Selasih - 2 kes baharu;
7. Kluster Bah Tanjung - 1 kes baharu; dan
8. Kluster Embun - 1 kes baharu.

Maklumat lanjut kluster-kluster ini adalah seperti di **Lampiran 2**.

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **seimbang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
  
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bergejala (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
  - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);



- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

7 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 7 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SABAH</b>	282	3,020
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	4 (1)	2,711
<b>SELANGOR</b>	20 (1)	2,471
<b>KEDAH</b>	153	1,600
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	1	1,063
<b>JOHOR</b>	6	799
<b>SARAWAK</b>	3	724
<b>PAHANG</b>	2	384
<b>PERAK</b>	4	290
<b>MELAKA</b>	0	268
<b>KELANTAN</b>	1	171
<b>PULAU PINANG</b>	7	159
<b>TERENGGANU</b>	4	144
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	2	112
<b>W.P. LABUAN</b>	0	39
<b>PERLIS</b>	0	38
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>489 (2)</b>	<b>13,993</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

**Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini**  
(7 Oktober 2020)

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
1.	Tembok	Kedah Perak	Kota Setar Kamunting Kubang Pasu Pendang	139	1,186	5,113	1,185 (5)	0	71	1
2.	Bah Sintok	Kedah	Kubang Pasu	14	29	428	29 (0)	0	0	0
3.	Jalan Meru	Selangor Johor Kelantan WPKL & Putrajaya	Hulu Langat Klang Gombak Petaling Hulu Selangor Kuala Selangor Johor Bharu Kota Bharu Titiwangsa Lembah Pantai	4	67	502	67 (0)	0	0	0

Bil.	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
			Kepong							
4.	Laut	Sabah	Kunak	2	104	586	104 (0)	0	104	0
5.	Benteng PK	Selangor	Klang Kuala Langat	2	15	153	15 (0)	0	8	0
6.	Selasih	WPKL & Putrajaya Selangor	WP Putrajaya Sepang	2	12	184	12 (0)	0	0	0
7.	Bah Tanjung	Terengganu	Kuala Nerus	1	8	252	8 (0)	0	0	0
8.	Embun	Selangor	Hulu Langat Gombak	1	7	154	7 (0)	0	0	0

\*BWN = Bukan Warganegara